

Tiga lelaki dihukum mati

Tertuduh cuba jual dadah kepada anggota polis menyamar

Oleh Johan Afandi
johan@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Mahkamah Tinggi di sini, semalam, menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap tiga lelaki selepas didapati bersalah mengedar dadah jenis ganja seberat 45.49 kilogram, tujuh tahun lalu.

Hakim, Datuk Azahar Mohamed menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap P

Samugem, 32; S Prakash, 36, dan V Kumaran, 36, selepas berpuas hati dengan hujah pihak pendakwa bahawa mereka mengedar dadah berkenaan di Jalan Perwira 2, Taman Ungku Tun Aminah di sini, pada jam 11 malam, 1 November 2002.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Samugem diwakili pe-

guam, Faris Zahid manakala dua lagi tertuduh diwakili peguam, Gobind Singh Deo dan pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib.

Azahar dalam penghakimannya berkata, keputusan itu adalah berdasarkan kepada keterangan bahawa Samugem dan Prakash sudah berunding mengenai harga dadah itu dengan seorang anggota polis yang menyamar sebagai pembeli mana-

kala Kumaran pula adalah pemandu kereta yang membawa dadah berkenaan.

Katanya, alasan pihak pembelaan kononnya, ketiga-tiga tertuduh itu menyangkakan mereka menjual rokok seludup tidak boleh diterima.

Sementara itu, Faris dan Gobind ketika ditemui di luar mahkamah menyatakan bahawa mereka akan memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.